



02 APR, 2024

Rover bernilai hampir RM2 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2



PENOLONG Ketua Pengarah Kastam JKDM Zon Tengah Norlela Ismail (tiga, kiri) ketika sidang media mengenai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit III (LTAKL) berjaya menggagalkan cubaan Penyeludupan dan Penyelewengan Barangan Bernilai lebih RM2.5 juta di Kastam Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam. • Foto BERNAMA

Kastam rampas Range Rover bernilai hampir RM2 juta

SEPANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah menyita sebuah kereta mewah jenis Land Rover Range Rover SV Auto yang tidak mempunyai permit import (AP) dianggarkan bernilai hampir RM2 juta di Kompleks Maskargo, Free Commercial Zone (FCZ), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Isnin lepas.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Tengah Selangor) Norlela Ismail berkata kenderaan itu diperiksa pada kira-kira 4.00 petang hasil insiatif pegawai kastam di kompleks berkenaan, kerana dipercayai diimport tanpa AP daripada Kementerian Pelaburan Perdagangan Dan Industri (MITI).

Beliau berkata siasatan awal mendapati kereta itu dipercayai dibawa dari negara Eropah. "Nilai dagangan yang disita dianggarkan RM1,097,300 yang melibatkan jumlah duti atau cukai yang dianggarkan RM1,884,000," katanya dalam sidang media di sini semalam.

Nurlela berkata kenderaan itu dibawa ke pejabat penguatkuasaan kastam KLIA untuk siasatan lanjut dan kes disiasat di bawah Seksyen 135(1(a) Akta Kastam 1967 kerana mengimport kenderaan motor pasang siap tanpa permit. - Bernama



02 APR, 2024

Rover bernilai hampir RM2 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SEPANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah menyita sebuah kereta mewah jenis Land Rover Range Rover SV Auto yang tidak mempunyai permit import (AP) dianggarkan bernilai hampir RM2 juta di Kompleks MasKargo, Free Commercial Zone (FCZ), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Isnin lepas. Penolong Ketua Pengarah

Kastam (Zon Tengah Selangor) Norlela Ismail berkata kenderaan itu diperiksa pada kira-kira 4.